TAFWIDH MUTLAK PEGANGAN SALAFUSSOLEH BUKANNYA TAFWIDH KAIFIYYAT

Disunting oleh:

Hussien al-Ibani

Tafwidh ialah Mengembalikan makna muktamad ayat-ayat sifat yang boleh difahami sebagai tajsim dan keserupaan kepada Allah Ta'ala, sambil tetap berpegang teguh dengan keyakinan bahawa tiada sesuatu pun yang menyerupai-Nya. [As-Saadah al-Hanabilah wa Ikhtilafihim ma'a as-Salafiyyah al-Mu'ashirah, Imam Musthafa Hamdu 'Ulayyan al-Hanbali, Terbitan Darul Nurul Mubin, Cetakan Pertama Tahun 2014 Masihi, Hlm. 245.]

Makna sebenar tafwidh dalam istilah ialah ia terdiri daripada tiga perkara: [Al-Qaul at-Tamami bi Ithbati at-Tafwidh Madzhaban li as-Salaf al-Kirom, Imam Saif bin 'Ali al-'Asri, Terbitan Darul Fath, Hlm. 103.]

a. Mengiktiraf apa yang datang melalui syarak.

b. Mengembalikan ilmu tentang makna sifat-sifat yang mengandungi keserupaan kepada Allah Ta'ala, manakala sifat-sifat yang merupakan kesempurnaan dari semua sudut dan tidak mengandungi keserupaan, mereka menetapkan makna umum yang dikongsi kepada Allah Ta'ala. Makna umum dalam frasa "mereka menetapkan makna umum yang dikongsi kepada Allah Ta'ala" ialah takaran umum yang ditunjukkan oleh lafaz sebelum penambahan dan tidak hilang dengan penambahan, tetapi menjadi khusus.

c. Menafikan makna zahir yang mengandungi keserupaan seperti menafikan apa yang memberi gambaran anggota seperti wajah dan tangan serta menafikan apa yang memberi gambaran peristiwa seperti marah, gembira, dan ketawa.

Tafwidh sendiri bermaksud menyerahkan makna kepada Allah, lantas dari mana datangnya Tafwidh Kaifiyyah sedangkan tafwidh kafiyyah tidak pernah wujud dalam 3 generasi terawal.

Ibn Taimiyyah orang pertama yang memperkenalkan Tafwidh Kaifiyyat yang menyebabkan perlakunya penjisiman terhadap Allah swt. Ini dipanggil jismun la kal ajsam iaitu Jisim Allah tidak seperti jisim-jisim makhluk iaitu jisim Allah tidak sama dengan jisim makhluk seperti contoh tangan Allah tidak seperti tangan makhluk.

Imam Malik menjelaskan Kama Wasofa Nafsahu La Yuqalu Kaif wa Kaif Anhu Marfu' merupakan riwayat yang soheh lagi ashoh bahkan tidak ada periwayatan al-Istiwa Maklum wal Kaif Majhul dalam periwayatan anak murid Imam Malik melainkan diriwayatkan oleh kaum Mujassimah seperti kaum Ibn Taimiyyah dan ad-Darimi. [al-Asma wa Sifat, Imam Abu Bakr al-Baihaqi, Terbitan Darul Taqwa Damsyik, Cetakan Tahun 1445 Hijrah, Jilid 2, Hlm. 319, No. 874].

Dr. Syarif Hatim al-Auni menegaskan bahawa dalil ini merupakan dalil yang membatalkan kefahaman Ibn Taimiyyah (dan juga para pengikutnya seperti Salafi). [al-Istawa Ma'lum wal Kaif Majhul Taqrir li Tafwidh al-Ma'na la Ithbatihi, Dr. Syarif Hatim al-Auni, Terbitan Darul Mi'raj, Hlm. 49.]

Beliau turut menjelaskan bahawa Kama Wasofa Nafsahu agar mengetahui bahawa Tafwidh Imam Malik tertenti dengan setakat mengimani dengan lafaz yang warid sahaja bukan dengan makna ma'lum. [Hlm yang sama]

Kata beliau lagi, jawapan Imam Malik tersebut bahawa tidak boleh berbahas dalam sifat secara berlebihan dari sekadar membaca yang warid kerana membuat pembahasan dalam ma'na akan berlakunya Takyiif. [Hlm yang sama]

Kemudian, katanya lagi Imam Malik menguatkan lagi dengan pensucian Allah swt daripada Tasybih keseluruhan yang merupakan pensucian secara sempurna dengan ucapan Wa La Yuqalu Kaif wa Kaif anhu Marfu' maka adalah dilarang mempertanyakan persoalan terhadap perkara tersebut. Imam Malik juga tidak pernah berkata Allah ada kaif hanya Allah saja mengetahui kaif-Nya sebagaimana sangkaan para Taimiyyun (Salafi yang menyangka Kaif hanya Allah sahaja mengetahuinya).

Tafsir merupakan kaif, oleh sedemikian boleh menaqalkan riwayat daripada khabar dengan lafaz sahaja tanpa menambah tafsir kerana kesemua tafsir adalah Takyiif secara hakikat. [Kitab yang sama, hlm. 72]

Imam Baihaqi menjelaskan kalam Imam Malik bahawasanya Istawa yang dimaksudkan bukanlah seperti Istawa yang difahami iaitu bangkit daripada menetap di suatu tempat atau bukannya bersentuhan dengan mana-mana makhluknya akan tetapi Istawa ala Arasy sebagaimana didatangi iaitu tanpa kaif yakni tanpa ain (tempat tertentu). [Al-I'tiqad wal Hidayah Ila Sabil ar-Rasyad 'ala Madzab as-Salaf wa Ashab al-Hadith, Imam al-Hafidz Abu Bakr Husein bin Ali al-Baihaqi, Terbitan Darul Afaq al-Jadidah, Cetakan Pertama Tahun 1401 Hijrah, Hlm. 116.]

Imam Ibn Humam al-Hanafi menegaskan bahawa Istawa ala Arasy dengan meyakini bahawa Istawa tersebut bukan seperti Istawa jasad diatas jasad yang lain (bukan bersemayam atau duduk) yang melibatkan kedudukan, persentuhan atau kedekatan. Sebaliknya Istawa dengan makna yang layak baginya yang hanya Allah sahaja mengetahui makna Istawa tersebut. [Al-Musayarah fi 'Ilmil Kalam wal 'Aqaid at-Tauhidiyyah al-Munjiyyah fil Akhirah, al-Imam al-'Allamah al-Kamal bin al-Humam al-Hanafi (Ibn Humam), Terbitan Mahmudiyyah at-Tijariyah Mesir, Cetakan Pertama, Hlm. 17 – 18.]

Mazhab Tafwidh melarang untuk mentafsir, memberikan makna, membuat pembahasan atau perdebatan, menambah perkataan seperti bi dzatihi kerana mereka mengatakan Amirruha kama Ja-at (dilalui sebagaimana didatangkan) sebagaimana diberitahu oleh Imam Ibn Mandah [Tauhid Ibn Mandah ditahqiq oleh al-Faqihi, Jilid 3, Hlm. 115], Imam Ibn al-Jauzi [Kasyf al-Musykil min Hadith ash-Shahihain, Terbitan Darul Wathon, Cetakan Pertama, Juzuk 3, Hlm. 379], Imam Yahya bin Ibrahim ath-Thulaithuli [at-Tamhid, karya Imam Ibn Bar, Terbitan Muassasah al-Furqan lil Thurath al-Islami, Jilid 5, Hlm. 163 – 164], Imam Makki bin Abi Thalib al-Qaisi al-Maliki [al-Hidayah ila Bulughi an-Nihayah, Terbitan Universiti Sharjah, Cetakan Pertama, Hlm. 209], Imam Tirmidzi [Jami' at-Tirmidzi, Terbitan Darul Takseel, Jilid 3, Hlm. 483, No. 2747 – 2748], Imam Ahmad bin Hanbal [I'tiqad Imam Ahmad bin Hanbal, Terbitan Darul Kutub Ilmiyyah, Hlm. 87] [Lum'ah al-I'tiqad al-Hadi ila Sabil ar-Rasyad, Terbitan Maktab al-Islami, Hlm. 5 – 6], Imam Muhammad bin Idris asy-Syafi'ie [Lum'ah Al-I'tiqad, Hlm. 7], Imam Ibn Suraij, Imam Sufyan Uyainah, Imam Malik bin Anas dan yang lainnya.

Amat jauh sekali perbezaan diantara Salafussoleh dengan Salafi W4H4B1 dalam memahami nas Mutasyabihat dan Salafi W4H4B1 cuba sedaya upaya untuk menipu masyarakat konon-kononnya Salafussoleh bertafwidh Kaifiyyat seperti mereka. Apakah mereka menyangka Salafussoleh itu Mujassimah seperti mereka?

Agak aneh bila mana Salafi W4H4B1 memukul ratakan kesemua Sifat Allah seperti Pendengar (Sama'), Pelihat (Bashor) dan lainnya dengan Yad, Wajh, Istawa dan lain-lain sedangkan Pedengar, Pelihat dan beberapa lain yang disamakan Salafi W4H4B1 merupakan Nas Muhkamat lagi Qat'ie Dilalah dan Tsubutnya yang mana tidak ada makna lain selain Pendengar pada Sama', Pelihat pada Bashor dan lainnya sama ada dalam Bahasa Arab itu sendiri mahupun Bahasa Ajam. Sedangkan Yad memiliki makna lain selain Yad itu sendiri semisal Qudrah, Takdir, Tamlik dan lain-nya ataupun Istawa yang memiliki makna I'tidal, matang, berlabuh dan lainnya.

Salafi W4H4B1 juga turut jahil dengan istilah Mujassimah dan Musyabbihah sehinggakan mereka menyangka bahawasanya lazimnya Mujassimah ini adalah menyerupakan Allah sedangkan pada hakikatnya tidak. Mujassimah ialah orang yang menjisimkan Allah swt dengan meletakkan sifat-sifat jisim pada Allah seperti bersemayam, berkaki, bermuka, bertangan dan lainnya namun jisim Allah ini tidak seperti makhluk sebagaimana ucapan yang sering kali dengar dari mulut Salafi W4H4B1 sendiri iaitu Allah memiliki tangan tetapi tangan Allah tidak seperti makhluk. Ini lah namanya MUJASSIMAH!!